

KEJOHANAN SUKAN STAF KESELAMATAN IPTA 2005

CABARAN 33 STAF UUM

HM 27/05/05 52:1

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan menyertai semua acara yang dipertandingkan pada Kejujutan Sukan Staf Keselamatan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005 bermula hari ini.

Acara-acara itu ialah bola-sepak, bola tampar, sepak takraw, badminton, catur, ping pong, bowling, tenis, ping pong dan kawat basah lelaki (kawat bomba).

Menurut Ketua Kontinjen UUM, Kapten (B) Hairani

Othman, pasukan keselamatan UUM akan menghantar 33 anggotanya terdiri daripada 32 lelaki dan seorang wanita bagi menyertai tujuh acara yang akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM).

"UUM mensasarkan tiga emas dalam acara bola sepak, takraw dan kawat basah lelaki.

"Disamping itu, UUM akan cuba membolot semua mata dalam acara yang disertai

memandangkan setiap peserta telah menjalani latihan intensif lebih awal," ujarnya lagi.

Hairani berkata, tujuan utama pengajutan sukan itu adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahmi di antara staf-staf keselamatan IPTA.

"Selain itu, dengan adanya program berbentuk kesukanan dapat memupuk semangat kesetiakawanan dan berpasukan kerana profesion



SELAMAT BERJAYA... Pemangku Pengarah Keselamatan UUM, Rusly Mahamud menyerahkan bendera UUM kepada Hairani (kanan).

keselamatan amat memerlukan semangat sedemikian.

Kejujutan akan menyaksikan penyertaan 11 kontinjen iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia,

Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA,

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Teknikal Kebang-

saan Malaysia, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, UUM dan USM.

Dijangka seramai 700 peserta akan berkumpul di Kolej Desa Siswa Aman Damai USM itu.

unm/0048/HM/27.05.2005/P:52(1) 16